



**JABATAN PERHUTANAN  
NEGERI PERAK PERAK DARUL RIDZUAN  
KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**



**TARIKH IKLAN : 1 JULAI 2026**

Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **210101 dan 210103** serta berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan untuk menyertai sebut harga berikut::

BIL	NOMBOR SEBUT HARGA DAN TAJUK PROJEK	TAKLIMAT SEBUT HARGA	TARIKH & TEMPAT DOKUMEN SEBUT HARGA DIJUAL	TARIKH & MASA DOKUMEN SEBUT HARGA DITUTUP
1.	<b>PPN.PK (SH) 15/2026 (a)</b>  Membekal, Menghantar, Memasang Dan Menguji Peralatan Komputer, Komputer Riba, Tablet Di Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan.	<b>Tarikh :</b> 6 Julai 2026 (Isnin)  <b>Masa :</b> 9:30 pagi  <b>Tempat :</b> Aras 1, Bilik Mesyuarat 2, Jabatan Perhutanan Negeri Perak	<b>Tarikh :</b> 6 Julai 2026 (Isnin)  <b>Tempat :</b> Aras 1, Unit IT, Jabatan Perhutanan Negeri Perak	<b>Tarikh :</b> 13 Julai 2026 (Isnin)  <b>Masa :</b> 12.00 Tengahari

1. Kontraktor yang berminat untuk menyertai sebut harga ini adalah **diwajibkan untuk menghadiri sesi taklimat sebut harga** sepertimana ketetapan di dalam Kenyataan Tawaran Sebut Harga. Sesi ini bagi memberi penerangan yang jelas kepada kontraktor berhubung keperluan teknikal, skop kerja. **Kehadiran ke sesi taklimat sebut harga dan lawatan tapak ini adalah diwajibkan** bagi membolehkan kontraktor membeli Dokumen Sebut Harga.
2. Kontraktor yang berminat untuk menyertai sebut harga ini **diwajibkan** mempunyai dua (2) Kod Bidang di bawah serta masih sah tempoh laku.

Kod Bidang	Tajuk Bidang	Status
210101	Hardware (low end technology) - Supply all types of computer hardware including PC, notebook, printers, document scanner, peripheral and maintenances	Aktif
210103	Software – Supply all computer software, operating system, database, off-theshelf packages including maintenance	Aktif



3. Hanya penama syarikat yang sah sahaja (tertera di Sijil Kementerian Kewangan Malaysia) dibenarkan menyertai sebut harga dan perlu membawa dan menyerahkan **sesalinan dokumen berikut** ketika pembelian Dokumen Sebut Harga :
  - a) Kad Pengenalan pemilik syarikat (tertera di Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM).
  - b) Sijil pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
  - c) Pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (KKM).
  - d) Resit pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak yang masih sah tempoh laku.
  - e) Sijil Pematuhan Cukai (TCC) yang berstatus patuh serta masih sah tempoh laku.
4. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli mulai **6 Julai 2026 (Isnin) sehingga tarikh dan masa tutup sebut harga sepertimana ketetapan di dalam Kenyataan Tawaran Sebut Harga**. Dokumen Sebut Harga tersebut boleh diperolehi pada waktu pejabat dari 9.00 pagi hingga 4.00 petang bagi Isnin hingga Khamis, manakala pada hari Jumaat dari pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari sahaja di **Aras 1, Unit IT, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020, Ipoh Perak**.
5. Dokumen Sebut Harga akan dijual dengan harga **RM 20.00 senaskhah** kepada kontraktor-kontraktor atau penama-penama yang sah sahaja. Semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Kad Debit/Kredit, atau Bank Deraf atas nama "BENDAHARI NEGERI PERAK"**. Bayaran secara **Wang Tunai tidak akan diterima**. Semasa pembelian Dokumen Sebut Harga, penama juga **DIWAJIBKAN** membawa **cop syarikat** serta perlu mengemukakan bersama **Salinan Resit Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak** bagi tahun semasa.
6. Kontraktor atau penama adalah dikehendaki mengemukakan bersama **Sijil Pendaftaran Syarikat Asal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (KKM), Sijil Pematuhan Cukai (TCC) serta Resit Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak yang masih aktif dan dalam tempoh sah laku**.
7. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi dan mengandungi 'Tawaran Harga' dan 'Tawaran Teknikal' **SECARA BERASINGAN** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri ditulis '**SEBUT HARGA PPN.PK (SH) 15/2026 (a)**' pada sudut atas sebelah kiri sampul, dialamatkan kepada **Pengarah, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan**.
8. Sampul sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan di **Bilik Tender, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul**



**Ridzuan sebelum atau pada 13 Julai 2026 (Isnin) pada jam 12.00 tengahari.**  
Pentadbiran ini tidak bertanggungjawab terhadap sebut harga yang lewat atau hilang jika dihantar melalui pos.

9. Pemilihan kontraktor yang berjaya adalah berdasarkan analisa sistem 'cut-off'. Oleh yang demikian, kerajaan tidak terikat untuk menerima sebut harga terendah atau sebarang sebut harga.
10. Tuan/puan boleh menghubungi pegawai berkenaan bagi sebarang pertanyaan berkenaan sebut harga ini.

**11.1 Puan Norsuhana Binti Nurdin (05-528 8222)**

**11.2 Encik Mohd Hezly Bin Mustafa (05-528 8224)**



**PENGARAH**  
**JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**

